



PELAN STRATEGIK

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

2022-2026



ISI KANDUNGAN

- 3** **PERUTUSAN**
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
- 4** **KATA ALUAN**
YB DATUK ZAIDI BIN JOHARI
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA
- 5** **RINGKASAN EKSEKUTIF**
PENGENALAN
- 6** **BAB 1** **PENDAHULUAN**
Senarai Ketua Menteri Melaka
Senarai Setiausaha Kerajaan Negeri
Latar Belakang Agensi
Carta Organisasi
Carta Fungsi
- 11** **BAB 2** **ANALISA PERSEKITARAN**
Senarai *Stakeholders*, Pelanggan dan Rakan Strategik
Ekspektasi *Stakeholders*, Pelanggan dan Rakan Strategik
Elemen Penentu Kejayaan
SWOT Analysis
- 17** **BAB 3** **HALA TUJU STRATEGIK**
Visi
Misi
Nilai-Nilai Bersama
Teras Strategik
- 18** **BAB 4** **STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN**
Pelan Tindakan
- 38** **BAB 5** **PENUTUP**

PERUTUSAN

KETUA MENTERI MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهٖ الْفَقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى
بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ، وَحُسْنُ الْخَوَاتِيمِ، وَيُسْتَشْفٰى
اَلْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَحْظَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Pelan Strategik, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) bagi tempoh 2022 hingga 2026 telah berjaya diterbitkan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang telah memberikan komitmen penuh serta usaha berterusan dalam penerbitan buku ini. Penerbitan Buku Pelan Strategik ini memperlihatkan serta membuktikan kerjasama padu dan usaha yang mantap antara semua warga Bahagian dan Unit di JKMM dalam merancang strategi-strategi baharu pengurusan bagi menetapkan sasaran dan seterusnya merencanakan hala tuju organisasi selaras dengan keperluan rakyat serta kehendak pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*).

Pelan Strategik ini merupakan satu dokumen jelas bagi memastikan segala perancangan dapat direalisasikan sejajar dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Melaka, di samping memastikan penyampaian perkhidmatan bertaraf lima bintang sentiasa dicapai dalam usaha menjadikan Pentadbiran ini sebagai sebuah agensi yang terunggul.

Pelan Strategik JKMM 2022 – 2026 ini merupakan asas perancangan 5 tahun JKMM dalam menentukan hala tuju serta gerak kerja organisasi. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar penerbitan Pelan Strategik ini akan berupaya mewujudkan perkhidmatan awam yang berdaya saing dan mendokong visi dan misi Kerajaan Negeri Melaka.



Justeru, saya menyeru kepada semua kakitangan dan pegawai JKMM bergerak pantas membuat penambahbaikan dengan kreatif dan inovatif terhadap kesemua perancangan kerajaan melalui Pelan Strategik JKMM 2022 – 2026 ini. Kita mesti pastikan semuanya dilaksanakan, 'GET IT DONE, BAGI JADI, KASI JADI', dan ia perlulah diingatkan, kepantasan dalam proses kerja harus disokong dengan peraturan yang ditetapkan.

*Moleklah diturut resmi padi,
Semakin tunduk semakin berisi,
JKMM mendokong aspirasi negeri,
Rakyat bahagia negeri dipayungi.*

Sekian, terima kasih.

YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Bin Md. Ali



KATA ALUAN

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, sebuah dokumen yang signifikan untuk menentukan tahap prestasi kerja Jabatan Ketua Meneri Melaka (JKMM) dapat direalisasikan. Pelan Strategik JKMM bagi tahun 2022 – 2026 memperincikan halatuju JKMM sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab menyelaras serta memantau dasar Kerajaan Negeri. Ianya juga merupakan organisasi yang menjadi fokal utama rujukan dasar atau pelbagai isu berkaitan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Bertitik tolak dari fungsi sebagai agensi utama sumber rujukan pelbagai pihak seperti sektor awam, sektor swasta atau orang perseorangan, satu dokumen rasmi menerangkan fungsi teras serta sasaran pencapaian perlu didokumenkan secara tepat. Ianya juga merupakan dokumen rasmi yang mempamerkan peri pentingnya penetapan sasaran setiap Bahagian/ Unit dalam mengekalkan relevansi dan signifikan pewujudan JKMM itu selari dengan perubahan lanskap perkhidmatan awam kini.

JKMM merupakan sebuah Jabatan yang mendokong aspirasi Kerajaan terutamanya sebagai peneraju Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan *Government of the day*. Seluruh warga kerja JKMM merupakan nadi penggerak dalam melaksanakan segala aspirasi/ dasar/ amanah/ arahan dari pucuk pimpinan Kerajaan Negeri berteraskan kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa.

JKMM akan sentiasa menjadi agensi rujukan setiap pelanggan atau pemegang taruh yang telah dikenal pasti untuk mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Adalah penting untuk seluruh warga JKMM memiliki sikap *RESPONSIVE*, *PROAKTIF* serta *INOVATIF* dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat diberikan walau dalam apa keadaan sekalipun.

Kita tidak dapat lari dari terus mencari jalan penyelesaian kreatif untuk memastikan perkhidmatan disampaikan kepada pelanggan dalam keadaan pandemik kini yang menjejaskan sistem penyampaian perkhidmatan seluruh negara.

Digital Government bukan lagi kenyataan retorik tetapi budaya kerja masa kini yang dapat dicapai tanpa limitasi tempat dan masa. Kita kini memiliki *MelakaPay* yang merupakan gerbang pembayaran bersepadu Kerajaan Negeri Melaka iaitu aplikasi untuk semakan dan pembayaran secara online bagi kesemua sistem perkhidmatan di bawah agensi Kerajaan Negeri Melaka secara berpusat menggunakan satu portal sahaja.

Adalah menjadi harapan saya agar JKMM dapat menambah baik lebih banyak perkhidmatan secara digital untuk kemudahan semua pelanggan.

Saya mengharapkan, penetapan visi, misi serta objektif yang jelas di dalam Pelan Strategik ini akan memastikan gerak kerja yang dirancang oleh setiap Bahagian/ Unit tidak tersasar dari landasannya. Pelan Strategik JKMM 2022 – 2026 ini akan bertindak sebagai sebuah dokumen yang boleh dijadikan sebagai *check and balance* oleh pemegang taruh dalam menilai ketepatan fungsi teras Bahagian/ Unit.

Dengan adanya perancangan yang terperinci, membolehkan penggunaan sumber yang optimum dapat dicapai dengan risiko ketirisan/ pembaziran yang rendah. Pemahaman ini seterusnya akan dapat memperkasa komitmen semua warga kerja JKMM dalam memastikan Pentadbiran Awam Negeri terus berada pada kelas tertinggi dalam memberi perkhidmatan bertaraf dunia kepada pemegang taruh.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Zaidi bin Johari



RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGENALAN

Bagi memastikan JKMM menjadi Peneraju Organisasi Perkhidmatan Awam yang berintegriti, satu Pelan Strategik Jabatan Ketua Menteri Melaka 2022 - 2026 diwujudkan bagi menggariskan halatuju jangka sederhana yang menjadi pendorong serta pendokong kepada semua warga JKMM dalam memastikan pengukuhan sistem penyampaian serta sebagai peneraju utama ke arah pentadbiran awam yang lebih cemerlang.

Buku Pelan Strategik ini mengandungi 5 Bab yang merangkumi perkara berikut :

-  **Bab 1 : Pendahuluan**
-  **Bab 2 : Analisa Persekitaran**
-  **Bab 3 : Hala Tuju Strategik**
-  **Bab 4 : Strategi Dan Formulasi Tindakan**
-  **Bab 5 : Penutup**





BAB 1 : PENDAHULUAN

SENARAI KETUA MENTERI MELAKA



SENARAI SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA





LATAR BELAKANG AGENSI

Pada tahun 1983, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju menukar nama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Melaka kepada Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM). Merujuk kepada rekod, pusat pentadbiran SUK selepas kemerdekaan tahun 1957 dikatakan berpusat di Wisma Negeri Jalan Hang Tuah di bawah pentadbiran Ketua Menteri Melaka yang Pertama iaitu Allahyarham Datuk Kurnia Jasa Othman Bin Talib.

JKMM merupakan jabatan terpenting di bawah kuasa Eksekutif Kerajaan Negeri yang berkuasa penuh terhadap semua dasar dan perintah-perintah kerajaan. JKMM juga adalah penyelaras dan sebagai sumber rujukan bagi semua Jabatan Kerajaan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan, serta Pihak Berkuasa Tempatan.

Jabatan Ketua Menteri Melaka yang kini berpusat di Kompleks Seri Negeri, Ayer Keroh telah memulakan operasinya bermula 4 Mei 1999 bersamaan 29 Muharram 1421h. Kini, JKMM diterajui oleh 20 bahagian dan unit dibawah 2 sayap utama iaitu Sektor Pengurusan dan Sektor Pembangunan.

Fungsi penubuhan JKMM adalah untuk merancang, merangka, menggubal dan melaksanakan Dasar Kerajaan Negeri, Dasar Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran negeri mengikut Jadual Ke Sembilan, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan juga peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Negeri.





CARTA ORGANISASI JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
Setiausaha Bahagian

**BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**
Setiausaha Bahagian

PEJABAT KETUA MENTERI
Setiausaha Sulit Kanan

MAJLIS SUKAN NEGERI
Pengarah

UNIT DEWAN & MMKN
Ketua Penolong Setiausaha Kanan Kerajaan

**TABUNG AMANAH PENDIDIKAN
NEGERI MELAKA**
Pengurus Besar

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
Setiausaha Bahagian

UNIT KERAJAAN TEMPATAN
Ketua Penolong Setiausaha Kanan Kerajaan

**BAHAGIAN KHIDMAT MUSAADAH &
PEMBANGUNAN BELIA**
Pengarah

BADAN KAWAL SELIA AIR
Pengarah

**PEJABAT PEMANTAUAN &
PELAKSANAAN NEGERI MELAKA**
Pengarah

**BAHAGIAN KORIDOR INFRASTRUKTUR
& IMPAK SOSIAL**
Pengarah

BAHAGIAN PROMOSI PELANCONGAN
Pengurus Besar

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Ketua ICT Negeri Melaka

**MAJLIS PEMBANGUNAN MELAKA
WATERFRONT ECONOMIC ZONE**
Ketua Pegawai Eksekutif

**MAJLIS PEMBANGUNAN
PULAU-PULAU MELAKA**
Ketua Pegawai Eksekutif

PERBADANAN KETUA MENTERI
Pengurus Besar

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan

UNIT INTEGRITI
Ketua Unit

**BAHAGIAN AUDIT DALAM
& SIASATAN AWAM**
Pengarah





CARTA FUNGSI

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Merancang, merangka dan menentukan halacara penggunaan dan keperluan ICT JKMM dan Jabatan Kerajaan Negeri yang lain.

MAJLIS PEMBANGUNAN MELAKA WATERFRONT ECONOMIC ZONE

Merancang, merangka dan menilai cadangan projek di dalam Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone.

MAJLIS PEMBANGUNAN PULAU-PULAU MELAKA

Merancang, mengkaji dan menyelaraskan konsep pembangunan pulau bersesuaian serta menetapkan visi, matlamat, strategi, inisiatif dan merangka pelan tindakan promosi serta pemasaran ke arah mewujudkan penubuhan satu agensi baru

PERBADANAN KETUA MENTERI

Menguruskan dan mentadbir harta Perbadanan Ketua Menteri.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Menyelaras perhubungan awam Negeri Melaka melalui operasi kaunter khidmat pelanggan, pusat panggilan setempat (ONCC), portal rasmi di samping pengurusan media, kualiti serta majlis dan lawatan.

UNIT INTEGRITI

Merancang program berkaitan integriti dan pembangunan insan selaras dengan, Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI) dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) bagi menangani isu dan masalah kakitangan ke arah melahirkan penjawat awam yang berintegriti dan bermotivasi tinggi.

BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & SIASATAN AWAM

Melaksanakan pengauditan terhadap Jabatan / Agensi / Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka berdasarkan pematuan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

PENGURUSAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pelaksanaan jentera pentadbiran, protokol dan istiadat, urusan kewangan JKMM.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Merancang tenaga manusia dan pembangunan organisasi.

PEJABAT KETUA MENTERI

Mengurus aktiviti YAB Ketua Menteri Melaka seperti pentadbiran & kewangan, komunikasi & media, politik, perhubungan & majlis serta kediaman rasmi.

MAJLIS SUKAN NEGERI MELAKA

Menyelaras dan membantu persatuan-persatuan sukan prestasi tinggi Negeri Melaka.

UNIT DEWAN & MMKN

Urusetia Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka.

TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

Menguruskan pemberian pinjaman wang pengajian tinggi kepada anak negeri Melaka yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan beberapa IPTS yang tersenarai di bawah tajaan TAPEM.

PEMBANGUNAN

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

Merancang, melaksana, dan mengkaji semula dasar dan strategi pembangunan sosio-ekonomi Negeri Melaka bagi mencapai misi dan objektif pembangunan negeri selaras dengan dasar-dasar dan objektif pembangunan seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Dasar Penswastaan dan lain-lain.

UNIT KERAJAAN TEMPATAN

Memastikan semua keputusan Jemaah Menteri, Majlis Negeri Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

BAHAGIAN KHIDMAT MUSAADAH & PEMBANGUNAN BELIA

Menyelaras urusan berkaitan pelantikan, perkhidmatan dan penamatan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta program belia.

BADAN KAWAL SELIA AIR

Menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air mentah termasuk menentukan standard kualiti air mentah dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

PEJABAT PEMANTAUAN & PELAKSANAAN NEGERI MELAKA

Mendapatkan senarai dasar, projek dan program pembangunan negeri daripada UPEN, ICU dan Jabatan / Agensi Persekutuan dan Negeri bagi projek pembangunan di Negeri Melaka.

BAHAGIAN KORIDOR INFRASTRUKTUR & IMPAK SOSIAL

Perancangan sistem utiliti yang lebih terancang, tersusun dan bersistematik.

BAHAGIAN PROMOSI PELANCONGAN

Menjadikan Melaka sebagai destinasi MICE, industri pelancongan sebagai penyumbang kepada KDNK dan peluang pekerjaan.

BAB 2 : ANALISA PERSEKITARAN

SENARAI STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN





EKSPEKTASI STAKEHOLDERS, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Stakeholders

Stakeholders adalah individu-individu yang boleh menjejaskan dan terjejas oleh tindakan-tindakan, keputusan, dasar, amalan atau matlamat organisasi. Kegagalan atau kejayaan pengurusan di JKMM akan memberi kesan kepada *stakeholders*. Oleh yang demikian, JKMM sangat mengambil berat terhadap *stakeholders* dan ekspektasi mereka.

Stakeholders dan ekspektasi mereka telah dikenal pasti bagi JKMM adalah seperti berikut:

- i. YDPA & Raja Permaisuri Agong
- ii. Yang Di-Pertua Negeri Melaka
- iii. YAB Ketua Menteri
- iv. YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- v. Ahli Majlis Undangan Negeri (ADUN)
- vi. Ex-Officio

Sebagai *stakeholders*, Yang Di-Pertua Negeri Melaka mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap JKMM di mana TYT Tun mengharapkan pentadbiran negeri yang baik, sistematik dan teratur. Manakala YAB Ketua Menteri, YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ex-Officio pula mensasarkan pencapaian Pelan Strategik Melaka Maju Jaya 2035, Pelan Strategik JKMM, di samping pelaksanaan manifesto Kerajaan Negeri.

Pelanggan

Pelanggan adalah orang yang menggunakan atau memperoleh perkhidmatan atau produk yang ditawarkan oleh profesional, perniagaan, syarikat atau organisasi. Terdapat dua jenis pelanggan iaitu pelanggan dalaman dan pelanggan luaran.

Pelanggan dalaman JKMM terdiri daripada kakitangan yang juga dikenali sebagai penjawat awam manakala pelanggan luaran pula terdiri dari pelbagai kategori disenaraikan seperti berikut:

- i. Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / Anak Syarikat Kerajaan Negeri
- ii. Agensi Swasta
- iii. Agensi Antarabangsa
- iv. Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- v. Media
- vi. Penjawat Awam
- vii. Institusi Pendidikan
- viii. Orang Awam
- ix. Pelabur

JKMM sangat mengambil berat setiap pelanggannya. Mengenal pasti siapa pelanggan dan seterusnya memahami keperluan setiap pelanggan merupakan satu amalan di JKMM. Dengan mengenal pasti keperluan setiap pelanggan, JKMM telah melangkah setapak ke hadapan bagi memenuhi keperluan tersebut dan bukan setakat memenuhi malah cuba untuk melebihi ekspektasi mereka.

Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Agensi Swasta dan Agensi Antarabangsa adalah antara pelanggan JKMM dan mereka mengharapkan agar JKMM dapat menyediakan dasar yang baik, hala tuju yang jelas, mematuhi garis panduan, polisi semasa, keperluan berkanun, memberi kerjasama yang erat serta ketelusan di dalam membuat keputusan.

Sebagai pelanggan, NGO juga mempunyai ekspektasi supaya JKMM dapat membantu memenuhi keperluan atau menyokong segala usaha yang dilakukan oleh mereka bagi membantu Kerajaan Negeri.

Media pula memainkan peranan yang penting di dalam menyampaikan informasi yang berguna kepada orang ramai. Sudah tentu media sangat memerlukan penerimaan dan maklumat terkini yang cepat dan tepat dari JKMM.

Penjawat awam merupakan benteng dan tulang belakang di dalam pentadbiran JKMM. Mendukung tugas yang diamanahkan, penjawat awam juga mempunyai ekspektasi di mana mereka memerlukan skim perkhidmatan dan faedah yang kompetitif selain sokongan yang padu dari pengurusan atasan.

Selain rakan strategik, institusi pendidikan juga merupakan pelanggan di JKMM dan mereka mengharapkan pihak JKMM dapat mengadaptasi garis panduan yang menyokong bidang pendidikan yang dapat memberi manfaat kepada mereka yang berada di dalam industri tersebut.

Di antara pelanggan yang selalu berurusan secara langsung dengan JKMM adalah orang awam. Banyak keperluan orang awam ini telah dikenal pasti dan direkodkan iaitu ekonomi yang inklusif sehingga dapat menjana peluang pekerjaan, kawalan harga barangan, tahap inflasi yang rendah, kestabilan politik, kesejahteraan sosial, sistem perundangan yang adil, sistem pendidikan yang baik dan mampu bagi semua golongan, pembangunan infrastruktur yang kondusif, pengurusan bencana yang cekap dan efisien serta peluasan penggunaan teknologi (sistem komunikasi).

Pelabur juga telah dikenal pasti sebagai pelanggan JKMM. Sebagai pelanggan JKMM, pelabur mempunyai beberapa keperluan yang yang mesti diambil kira di antaranya adalah kestabilan politik, ekonomi yang kondusif, kesejahteraan sosial, kemudahan logistik dan perkhidmatan seperti utiliti, rangkaian komunikasi, teknologi dan kemudahan lain yang berkaitan termasuk kemudahan kewangan. Para pelabur juga mengharapkan pulangan pelaburan yang menarik dan menguntungkan dari pihak kerajaan.

JKMM memandang serius segala aktiviti untuk memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan, rakan strategik dan juga pelanggan bagi memastikan mereka berpuas hati. Ini juga merupakan satu indikator bagi mengukur prestasi perkhidmatan JKMM dari semasa ke semasa.

Selain itu, JKMM juga telah selarikan visi, misi dan perancangan strategik dengan mengambil kira keperluan ketiga-tiga pihak ini. Langkah ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan Sistem ISO Bersepadu JKMM yang dipantau dan diaudit secara berkala bagi memastikan segala perancangan dilaksana, dikawal, dinilai dan sentiasa ditambah baik.

Rakan Strategik

Jalinan kerjasama strategik adalah sebarang jenis hubungan kerjasama yang dijalinan untuk sesuatu tujuan baik. Jalinan strategik merangkumi kerjasama penyelidikan, pembangunan, usahasama, pengeluaran, pengedaran, pasaran dan perkhidmatan bersama. Jalinan Strategik boleh bersifat jangka panjang dan terbuka atau jangka pendek. Organisasi atau individu yang terlibat dalam jalinan kerjasama strategik dikenali sebagai rakan strategik.

JKMM mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakan strategik Kerajaan Negeri yang banyak membantu kelancaran pelaksanaan segala aktiviti dan program yang telah dirancang.

Rakan-rakan strategik JKMM dikenal pasti seperti berikut:

- i. **Jabatan Negeri**
- ii. **Pihak Berkuasa Tempatan**
- iii. **Badan Berkanun**
- iv. **Agensi Swasta**
- v. **Anak Syarikat Kerajaan Negeri**
- vi. **Agensi Kerajaan / Jabatan Peringkat Persekutuan & Negeri**
- vii. **Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**
- viii. **NGO**
- ix. **Pelabur**

Rakan strategik JKMM juga meletakkan beberapa harapan di mana mereka menghendaki JKMM untuk mengamalkan dasar kerajaan yang baik, mematuhi garis panduan, polisi semasa, keperluan berkanun, menyediakan belanjawan dan keperluan sumber yang mencukupi di samping tadbir urus kerajaan yang telus dan komprehensif.



Pihak IPTA/IPTS pula mempunyai keperluan tersendiri yang menuntut JKMM membantu di dalam membina hubungan diplomatik dalam sektor pendidikan antara negara / negeri, pemindahan teknologi dan kepakaran serta penyediaan kemudahan pembelajaran dengan kos yang berpatutan.

Tidak ketinggalan juga NGO mempunyai hasrat yang tinggi terhadap JKMM di mana ianya melihat JKMM sebagai penghubung / ejen antara kerajaan dan orang ramai serta dapat membantu dalam melaksanakan program bersama masyarakat.

Pelabur merupakan satu pihak yang sangat penting yang menyumbang kepada ekonomi Negeri Melaka. Kejayaan Negeri Melaka di dalam menarik para pelabur dalam dan luar negara untuk terus membuat pelaburan di Melaka sangat berkait rapat dengan sistem pentadbiran Kerajaan Negeri dan juga perkhidmatan sokongan yang disediakan. Sokongan yang diperlukan oleh para pelabur adalah supaya JKMM sentiasa mematuhi standard piawaian dan perjanjian yang telah ditetapkan, kemudahan prasarana yang kondusif, kestabilan politik serta keupayaan mengekalkan hubungan secara *win-win situation* dengan tertakluk kepada nilai integriti serta kredibiliti pentadbiran Kerajaan Negeri.



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pelan Strategik sesebuah organisasi untuk kekal relevan merentasi garis masa serta perubahan politik dan sosio ekonomi perlu memiliki perancangan dan pengenalpastian objektif jangka masa yang sesuai dengan fungsi teras organisasi tersebut. JKMM secara amnya telah membangunkan hala tuju yang jelas dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kekal berada pada tahap cemerlang.

Pelan Strategik JKMM dibangunkan meliputi penganalisan persekitaran, penetapan visi, misi, perancangan strategik serta pelan tindakan setiap bahagian dan unit.

► Ketersediaan Sumber

- Sumber kewangan, tenaga kerja dan fasiliti yang optimum.

► Sumber Manusia Berdedikasi Dan Berketerampilan

- Membangunkan modal insan yang terlatih dan dipimpin dalam memastikan kesinambungan dalam melaksanakan tugas.

► Sokongan Pengurusan Atasan

- Perhubungan dan sokongan yang baik di antara majikan dan pekerja.
- Dokongan dan penghargaan dari pihak pengurusan dan profesional.

► Sistem Dan Prosedur Kerja Yang Efisien

- Sistem dan prosedur kerja yang efisien dan teratur.

► Struktur Organisasi Yang Mantap

- Kapasiti warga kerja JKMM diperkukuhkan.
- Transformasi serta inovasi dalam pengurusan serta perjawatan perlu ada dan setiap penempatan disusun atur mengikut kepakaran.

► Penggunaan Teknologi Maklumat Yang Terkini

- Pelan Strategik ICT diperkemas dari semasa ke semasa.

► Budaya Kerja Yang Positif

- Hubungan yang baik diantara pihak pengurusan dan pelaksana.
- Komunikasi yang berkesan dan baik.





SWOT Analysis

Dalam memastikan Negeri Melaka mencapai pembangunan sosioekonomi yang mampan dan inklusif, isu-isu strategik menjadi pemangkin kepada usaha penambahbaikan proses kerja di JKMM. Mengenalpasti isu dan cabaran-cabaran strategik juga adalah faktor pendorong kepada JKMM untuk memilih cara responsif yang terbaik.



BAB 3 : HALA TUJU STRATEGIK



NILAI - NILAI BERSAMA

Warga JKMM sentiasa komited terhadap budaya perkhidmatan awam yang cemerlang berasaskan nilai-nilai kebersamaan. Disamping itu, mengguna pakai nilai-nilai yang sesuai dengan lunas undang-undang negara, sistem masyarakat setempat dan peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan agar ia dihayati sebagai etika kerja yang berkualiti ke arah untuk mencapai aspirasi organisasi, *stakeholders* dan pelanggan.

Mengambil inspirasi *sense of belonging* warga JKMM, nilai bersama ini diterjemahkan melalui akronim JKMM itu sendiri:





BAB 4 : STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN



Setiap Teras Strategik ini akan dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan yang akan diperincikan dalam laporan pelan strategik ini.

Teras 1 : MENDAYAUPAYA SEKTOR AWAM NEGERI MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK DAN BERINTEGRITI

STRATEGI

- Memastikan Kualiti Dalam Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti Dan Mematuhi Peraturan Ditetapkan
- Memperkukuh Pengurusan Kewangan Yang Berakauntabiliti Dan Efektif
- Memperkasa Sumber Manusia Bagi Memastikan Tadbir Urus Terbaik
- Mewujudkan Dan Memperkasa Proses Kerja Yang Holistik Dalam Kesiapsiagaan Kepada Sebarang Ancaman / Bencana Alam / Ketidakpastian
- Memantapkan Sistem Pengurusan Pentadbiran Diperingkat Kerajaan Negeri / Tempatan

T1S1 : Memastikan Kualiti Dalam Penyampaian Perkhidmatan Yang Berintegriti Dan Mematuhi Peraturan Ditetapkan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH PELAKSANAAN	BAHAGIAN B/JAWAB
P1: Program peningkatan kompetensi penjawat awam	Bilangan program	5 program setahun	2022 - 2026	Peneraju: BPSM
P2: Pengauditan pengurusan kewangan dan perolehan	Bilangan laporan audit	2 laporan audit setahun	2022 - 2026	Peneraju: BADSA
P3: Pengauditan bersepadu (ISO)	Bilangan audit bersepadu	1 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: BKK Ahli : Unit Integriti BTMK
P4: Kajian semula piagam pelanggan	Bilangan semakan semula	1 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: BKK
P5: Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) Negeri Melaka	Bilangan pelan Peratusan pencapaian Inisiatif Pelan Antirasuah (OACP) Negeri Melaka	1 pelan 100%	2022 - 2026 2023 - 2026	Peneraju: Unit Integriti
P6: Pementapan budaya integriti dan nilai-nilai murni dalam organisasi	Bilangan program	12 program setahun	2022 - 2026	Peneraju: Unit Integriti
P7: Pemantauan terhadap projek / program pembangunan negeri	Bilangan pemantauan / program	4 kali sebulan	2022 - 2026	Peneraju: MIMO



PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH PELAKSANAAN	BAHAGIAN B/JAWAB
P8: Program naziran urusan perkhidmatan di Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri	Bilangan jabatan yang dinazir setahun	4 jabatan setahun	2022 - 2026	Peneraju: BPSM
P9: Pemantapan literasi perundangan dan peraturan Dewan Undangan Negeri	Bilangan kursus	1 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: Unit Dewan dan MMKN Ahli: Unit Protokol JKPNM PUU INSPIM

T1S2 : Memperkukuh Pengurusan Kewangan Yang Berakauntabiliti Dan Efektif

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH PELAKSANAAN	BAHAGIAN B/JAWAB
P1: Pengemaskinian sistem maklumat dan penerima bantuan kebajikan	Bilangan kemaskini	3 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: BKMPB
P2: Pengauditan mengejut	Bilangan pusat tanggungjawab	4 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: BADSA
P3: Pemantauan prestasi perbelanjaan	Bilangan laporan unjuran	4 kali setahun	2022 - 2026	Peneraju: BKP-Unit Kewangan

T1S3 : Memperkasa Sumber Manusia Bagi Memastikan Tadbir Urus Terbaik

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN	TEMPOH PELAKSANAAN	BAHAGIAN B/JAWAB
P1: Peningkatan kompetensi penjawat awam	Bilangan program	5 program setahun	2022 - 2026	Peneraju: BPSM
P2: Pengemaskinian maklumat sumber manusia berdasarkan KPI HRMIS	Peratus pencapaian KPI	100%	2022 - 2026	Peneraju: BPSM
